



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - Menjiwai Negaraku, Bukan Sekadar Nyanyi](#)

Utusan Malaysia - Menjiwai Negaraku, Bukan Sekadar Nyanyi

Ahad, Mac 19 2017



Menjiwai Negaraku, bukan sekadar nyanyi

KUALA LUMPUR 19 Mac - Program Ekspresi Negaraku berjaya menyemai semangat patriotisme dalam kalangan rakyat terutama generasi muda dengan membolehkan mereka menjiwai maksud sebenar lagu kebangsaan itu dan bukan sekadar tahu menyanyikannya.

Ketua Perwira Jaringan Melayu Malaysia, **Azlan Abu Bakar** berkata, program sedemikian sepatutnya kerap diadakan bagi menyedarkan generasi muda tentang kepentingan mencintai negara sendiri.

“Sebagai rakyat Malaysia, kita dapat melihat ramai dalam kalangan anak muda yang tidak dapat mengerti maksud sebenar Negaraku melainkan lagu yang dinyanyikan semasa zaman persekolahan dahulu.

“Program sebegini dapat menanamkan semangat yang perlu

dilahirkan dan dipupuk oleh mereka untuk menjamin masa depan negara yang lebih cemerlang,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merasmikan program Ekspresi Negaraku di Dataran Putrajaya.

Program tersebut menjadi platform pertama untuk memacu inisiatif Negaraku yang bertunjangkan semangat cintakan Malaysia.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM), **Mohamad Fadzli Hasan** memberitahu, program berkenaan amat baik bagi memupuk kembali semangat jati diri dan patriotisme dalam kalangan rakyat.

“Bagi MBFM, kami menyambut baik usaha yang telah dilaksanakan oleh Perdana Menteri dan pasukan yang menggerakkan inisiatif ini,” katanya.

Ekspresi Negaraku

Merupakan satu daripada lima tiang utama inisiatif Negaraku yang bertujuan:

- Menyemarakkan semangat kebanggaan terhadap negara tersayang.
- Menyemarakkan semangat cintakan negara dalam diri rakyat.
- Meningkatkan aspirasi tanah air dalam kalangan rakyat.
- Memupuk sifat rakyat untuk yakin dengan potensi negara.
- Mengenalpastikan sebarang perbezaan serta bersatu hati untuk membentuk negara yang lebih makmur dan berjaya.

UTUSAN

Pekeliling Perbendaharaan



Undian

BISNES

AGensi

WARGA

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **23 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**